



## 'Usah peduli orang kata... yang penting, jaga keluarga'

**CUBA SEDAYA UPAYA DEMI ANAK:** Demi anaknya, Cik Norhasikin akan bekerja keras dan berusaha untuk mendapatkan bantuan jika tidak mampu menunaikan keperluan tersebut dengan sendiri. — Foto BM oleh JOSEPH CHUA

IBU mana yang tidak sedih melihat anaknya menggunakan papan seterika sebagai meja untuk belajar.

Sebagai ibu tunggal yang bekerja dan membawa pulang sekitar \$800 sebulan, ada keperluan dan keinginan anaknya yang tidak dapat diumalkan.

Namun, bagi Cik Norhasikin Mohd Noor, 49 tahun, ini tidak bermaksud beliau tidak akan berusaha untuk mencari jalan alternatif.

"Mungkin ramai orang yang cakap atau berfikir macam 'malulah kalau nak minta bantuan' atau 'mana nak letak muka kalau orang tahu masalah kita' dan sebagainya.

"Tapi pada saya, kalau kita perlukan sesuatu kita harus usaha pelbagai cara, dan kalau tak buka mulut macam mana?"

"Bukan saya ingin mengambil kesempatan, saya tahu ada benda saya tidak dapat berikan kepada anak saya (kerana masalah kewangan), jadi untuk apa malu kalau niat saya adalah supaya anak saya dapat membesar dengan selesa dan berasa terdorong untuk belajar?" katanya yang kini bekerja sebagai seorang pembantu dalam khidmat janggan.

Sebagai sebahagian daripada usahanya mencari alternatif, Cik Norhasikin telah menghampiri Persatuan Syarikat Kerjasama Perusahaan dan Perkhidmatan (IsCOS) untuk meminta bantuan dan mereka memberitahunya bahawa mereka akan memberikan per-

bot yang lengkap untuk sudut belajar anaknya, termasuk meja kerusi dan lampu belajar.

Selain itu, anak perempuan Cik Norhasikin, yang kini belajar di menengah dua, turut menerima bantuan biasiswa IsCOS yang diberikan setiap akhir tahun kepada anak-anak pesalah bekas banduan yang berusaha dengan tekun dan gigih dalam bidang akademik mereka.

"Beliau amat gembira setelah mendapat perabot baru dan mula menghisap tempatnya itu. Saya memang gembira dan bersyukur semangat anak perempuan saya untuk belajar tidak pernah hilang walaupun keadaan kita ada kala tidak mudah, dan saya akan terus berusaha untuk mengekalkan keinginannya untuk belajar," ujarnya semasa ditemui *Berita Harian* di pejabat IsCOS baru-baru ini.

Dalam perkongsian, Cik Norhasikin menceritakan bagaimana masih ada yang memandang rendah terhadap beliau sekeluarga disebabkan latar belakangnya sebagai seorang ibu tunggal, terutama sekali apabila mendapat tahu kedua bekas suaminya dipenjarakan kerana dadah.

"Memang apa yang mereka katakan menyakitkan, tetapi jika setiap yang orang kata kita nak fikirkan, susah hidup. Lebih baik saya tumpukan tenaga kepada usaha menjaga keluarga dan mendidik anak saya supaya jauhkan pengaruh tidak baik," kata Cik Norhasikin, yang juga mempunyai seorang anak lelaki berusia 25 tahun yang sudah berkahwin dan tidak lagi tinggal bersamanya.

**"Beliau amat gembira setelah mendapat perabot baru dan mula menghisap tempatnya itu. Saya memang gembira dan bersyukur semangat anak perempuan saya untuk belajar tidak pernah hilang walaupun keadaan kita ada kala tidak mudah, dan saya akan terus berusaha untuk mengekalkan keinginannya untuk belajar."**

— Cik Norhasikin Mohd Noor.

Beliau telah berpisah dengan suami keduanya sejak 10 tahun lalu.

Walaupun begitu, semestinya cabaran sebagai ibu tunggal tetap wujud, terutama sekali dari segi pekerjaan.

Menurut Cik Norhasikin, antara tempoh paling mencabar baginya adalah apabila beliau tidak dapat bekerja selama hampir dua bulan kerana kecederaan belakang.

"Memang pada masa itu saya buntu. Saya terpaksa gunakan mana-mana wang

simpanan, korek mana-mana tabung di rumah untuk memastikan sekurang-kurangnya kita dapat makan setiap hari.

"Apabila saya boleh bekerja semula selepas itu saya berasa begitu lega," katanya mengimbas kembali masa pahit beberapa tahun lalu.

Walaupun telah kembali bekerja, Cik Norhasikin turut aktif menyertai Kumpulan Sokongan Ibu-Ibu yang dikendalikan IsCOS, di mana isteri-isteri banduan atau bekas

banduan berkumpul semasa sesi-sesi yang diadakan untuk melakukan aktiviti termasuk bersenam yoga, membuat kraftangan, kaunseling dan ceramah.

Melalui program itu juga beliau juga dapat bertemu dengan ibu-ibu yang berada dalam keadaan yang sama dan telah membuat ramai kawan.

"Mereka menghadapi masalah yang sama, dan melalui sesi-sesi ini kita berkongsi cerita, masalah dan membincangkan penyelesaiannya. Ada kalanya kita hanya perlu meluahkan masalah yang kita hadapi kepada seseorang, dan ramai ibu-ibu ini mungkin segan ingin berbuai dengan orang lain tentang masalah mereka kerana takut dipandang rendah," ujarnya.

Maklumat baru yang dipelajari melalui sesi-sesi ini turut disampaikan kepada anaknya. Cik Norhasikin juga akan mendorong anaknya itu menyebarkan apa yang dipelajari kepada teman-teman lain.

Menyentuh tentang harapan bagi puterinya itu, Cik Norhasikin berkata: "Beliau anak yang kuat semangat dan bercita-cita tinggi. Pernah beliau berkata ingin menjadi seorang cef, kerana sering melihat saya masak dan bekerja dalam bidang makanan dan minuman.

"Saya hanya ingin beliau mencapai apa yang diinginkannya, apa jua cita-citanya, kerana saya percaya dengan kebolehan dan akan terus menyokong beliau dari belakang seboleh mungkin."

Text:

## **'Usah peduli orang kata...yang penting jaga keluarga'**

IBU mana yang tidak sedih melihat anaknya menggunakan papan seterika sebagai meja untuk belajar.

Sebagai ibu tunggal yang bekerja dan membawa pulang sekitar \$800 sebulan, ada keperluan dan keinginan anaknya yang tidak dapat ditunaikan.

Namun, bagi Cik Norhasikin Mohd Noor, 49 tahun, ini tidak bermaksud beliau tidak akan berusaha untuk mencari jalan alternatif.

"Mungkin ramai orang yang cakap atau berfikir macam 'malulah kalau nak minta bantuan' atau 'mana nak letak muka kalau orang tahu masalah kita' dan sebagainya.

"Tapi pada saya, kalau kita perlukan sesuatu kita harus usaha pelbagai cara, dan kalau tak buka mulut macam mana?"

"Bukan saya ingin mengambil kesempatan, saya tahu ada benda saya tidak dapat berikan kepada anak saya (kerana masalah kewangan), jadi untuk apa malu kalau niat saya adalah supaya anak saya dapat membesar dengan selesa dan berasa terdorong untuk belajar?" katanya yang kini bekerja sebagai seorang pembantu dalam khidmat jagaan.

Sebagai sebahagian daripada usahanya mencari alternatif, Cik Norhasikin telah menghampiri Persatuan Syarikat Kerjasama Perusahaan dan Perkhidmatan (Iscos) untuk meminta bantuan dan mereka memberitahunya bahawa mereka akan memberikan perabot yang lengkap untuk sudut belajar anaknya, termasuk meja kerusi dan lampu belajar.

Selain itu, anak perempuan Cik Norhasikin, yang kini belajar di menengah dua, turut menerima bantuan biasiswa Iscos yang diberikan setiap akhir tahun kepada anak-anak pesalah bekas banduan yang berusaha dengan tekun dan gigih dalam bidang akademik mereka.

"Beliau amat gembira setelah mendapat perabot baru dan mula menghias tempatnya itu. Saya memang gembira dan bersyukur semangat anak perempuan saya untuk belajar tidak pernah hilang walaupun keadaan kita ada kala tidak mudah, dan saya akan terus berusaha untuk mengekalkan keinginannya untuk belajar," ujarnya semasa ditemui *Berita Harian* di pejabat Iscos baru-baru ini.

Dalam perkongsianannya, Cik Norhasikin menceritakan bagaimana masih ada yang memandang rendah terhadap beliau sekeluarga disebabkan latar belakangnya sebagai seorang ibu tunggal, terutama sekali apabila mendapat tahu kededua bekas suaminya dipenjara kerana dadah.

"Memang apa yang mereka katakan menyakitkan, tetapi jika setiap yang orang kata kita nak fikirkan, susah hidup. Lebih baik saya tumpukan tenaga kepada usaha menjaga keluarga dan mendidik anak saya supaya jauhkan pengaruh tidak baik," kata Cik Norhasikin, yang juga mempunyai seorang anak lelaki berusia 25 tahun yang sudah berkahwin dan tidak lagi tinggal bersamanya.

Beliau telah berpisah dengan suami keduanya sejak 10 tahun lalu.

Walaupun begitu, semestinya cabaran sebagai ibu tunggal tetap wujud, terutama sekali dari segi pekerjaan.

Menurut Cik Norhasikin, antara tempoh paling mencabar baginya adalah apabila beliau tidak dapat bekerja selama hampir dua bulan kerana kecederaan belakang.

“Memang pada masa itu saya buntu. Saya terpaksa gunakan mana-mana wang simpanan, korek mana-mana tabung di rumah untuk memastikan sekurang-kurangnya kita dapat makan setiap hari.”

“Apabila saya boleh bekera semula selepas itu saya berasa begitu lega,” katanya mengimbas kembali masa pahit beberapa tahun lalu.

Walaupun telah kembali bekerja, Cik Norhasikin turut aktif menyertai Kumpulan Sokongan Ibu-Ibu yang dikendalikan Iscos, di mana isteri-isteri banduan atau bekas banduan berkumpul semasa sesi-sesi yang diadakan untuk melakukan aktiviti termasuk bersenam yoga, membuat kraftangan, kaunseling dan ceramah.

Melalui program itu juga beliau juga dapat bertemu dengan ibu-ibu yang berada dalam keadaan yang sama dan telah membuat ramai kawan.

“Mereka menghadapi masalah yang sama, dan melalui sesi-sesi ini kita berkongsi cerita, masalah dan membincangkan penyelesaiannya. Ada kalanya kita hanya perlu meluahkan masalah yang kita hadapai kepada seseorang, dan rami ibu-ibu ini mungkin segan ingin berbual dengan orang lain tentang masalah mereka kerana takut dipandang rendah,” ujarnya.

Maklumat baru yang dipelajari melalui sesi-sesi ini turut disampaikan kepada anaknya. Cik Norhasikin juga akan mendorong anaknya itu menyebarkan apa yang dipelajari kepada teman-teman lain.

Menyentuh tentang harapan bagi puterinya itu, Cik Norhasikin berkata: “Beliau anak yang kuat semangat dan bercita-cita tinggi. Pernah beliau berkata ingin menjadi seorang cef, kerana sering melihat saya masak dan bekerja dalam bidang makanan dan minuman.”

“Saya hanya ingin beliau mencapai apa yang diinginkannya, apa jua cita-citanya, kerana saya percaya dengan kebolehannya dan akan terus menyokong beliau dari belakang seboleh mungkin.”

Translation:

**“Do not bother about what people say...what matters is to keep the family together.”**

Which mother would not feel sad to see her child use the ironing board as a table for learning?

As a single mother who works and takes home about \$800 a month, she is unable to provide for her child's needs and wants.

However, Ms Norhasikin Mohd Noor, 49, this does not mean that she will not seek alternative ways.

“Maybe a lot of people would say or thought ‘it’s shameful if you ask for help’ or ‘where to put your face when people knew about your problems’, and so on.”

"But to me, if we need something we have to try various ways, else how can we get it if I do not open my mouth?"

"I never want to take advantage, but I know that there are some things I cannot provide for my child (because of financial problems). So how is it shameful if my intention is to make sure my child grows up comfortably and feel motivated to study?" said Norhasikin who is currently working as a nursing assistant.

As part of her efforts to find alternative ways, Ms Norhasikin approached the Industrial & Services Co-Operative Society (ISCOS) for help. They told her that they would provide a proper learning corner for her child, including a table, chair and study lamp.

In addition, Ms Norhasikin's daughter, currently a Secondary 2 student, also received the ISCOS Bursary Award. It is an award given at the end of every year to children of ex-offenders who worked diligently in their studies.

"She was very happy after getting the new furniture and started decorating her study corner. I am happy and grateful that my daughter's passion for learning never fades even though our circumstances are not easy, and I will continue to work hard to sustain her desire to learn," she said, speaking to *Berita Harian* at ISCOS office recently.

Ms Norhasikin also shared that her family was looked down upon because she is a single mother, especially when it becomes known that both her ex-husbands were jailed for drug offences.

"Indeed, what they say is painful, but if one takes to heart what everyone says, it's hard to live. It is better for me to focus my energy to care for my family and educate my children to stay away from bad influences," she said. She also has a 25-year-old son who is married and does not live with her.

She has been separated from her second husband for ten years.

Despite this, there are challenges as a single mother particularly when it comes to employment.



According to Ms Norhasikin, the most challenging period for her was when she was unable to work for almost two months due to a back injury.

“At that time, I was stuck. I had to rely on my savings and save on things to make sure we could at least eat every day.”

“When I got back to work, I felt so relieved,” she says, recalling the bitter experience that happened a few years ago.

Although she is working, Ms Norhasikin is also actively involved in the Mother Support Group organised by ISCOS, where spouses of current and ex-offenders gather for monthly sessions to go for activities such as yoga, handicraft, counselling and lectures.

Through the programme, she has met with mothers in the same situation as her, and has made many friends.

“They face the same problem, and through these sessions we share stories, problems and discuss the solutions. Sometimes we just need to voice out our problems to somebody, and many of the mothers may be reluctant to talk to others about their problems for fear of being looked down upon,” she said.

Ms Norhasikin also shared new tips and information learnt from these sessions with her daughter. She will also encourage her to share the information with her peers.

Ms Norhasikin said of her daughter’s hopes and dreams, “She is a strong and ambitious child. She once said she wanted to be a chef, because she often saw me cooking and working in the F&B industry.”

“I just wish for her to achieve what she wants, whatever her ambitions are, because I believe in her ability and will continue to support her behind the scenes as much as possible.”